

Rantai Bekalan Kelapa Sawit Malaysia (keluaran Kelapa Sawit Malaysia)

- **Malaysia, bahan bakar bio (kelapa sawit) (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**
- **Malaysia, Minyak Masak (campuran minyak sawit) (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**
- **Malaysia, Minyak Inti Sawit Mentah (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**
- **Malaysia, Minyak Sawit Mentah (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**
- **Malaysia, Oleokimia (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**
- **Malaysia, Minyak Inti Sawit Yang Ditapis (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**
- **Malaysia, Minyak Sawit Yang Ditapis (keluaran Kelapa Sawit Malaysia, Buruh Kanak-kanak, Buruh Paksa)**

ILAB mempercayai bahawa pelbagai produk minyak sawit yang dikeluarkan di Malaysia dikeluarkan hasil titik peluh buruh kanak-kanak dan buruh paksa, terutamanya produk dari kelapa sawit yang dikeluarkan di Malaysia. Produk-produk dari kelapa sawit ini termasuk minyak sawit mentah, minyak inti sawit mentah, minyak sawit yang ditapis, minyak masak (campuran minyak sawit), oleokimia, dan bahan bakar bio.

Kelapa sawit dari Malaysia dimasukkan ke dalam Senarai ILAB mengenai *Barangan Keluaran Buruh Kanak-Kanak atau Buruh Paksa*; tahun 2009 untuk buruh paksa dan pada tahun 2014 ditambah kategori buruh kanak-kanak. Kajian oleh NGO (Badan Bukan Kerajaan) dan laporan media terus menunjukkan ribuan kanak-kanak bekerja dalam sektor perladangan kelapa sawit Malaysia. Laporan yang sama menunjukkan bahawa terdapat buruh paksa berleluasa di ladang-ladang kelapa sawit, terutama di kalangan pekerja migran yang menghadapi ancaman semasa dan selepas diambil bekerja.

Kajian ini juga mencadangkan kemungkinan produk-produk keluaran kelapa sawit dan minyak sawit, seperti bahan makanan penternakan, produk seperti biskut dan roti, minuman, produk untuk rumah tangga dan industri, produk penjagaan diri, produk kosmetik, formula bayi, dan lemak tepu, dikeluarkan hasil titik peluh buruh kanak-kanak dan buruh paksa.